

Elaun penguat kuasa DBKL naik hingga RM120 sebulan

Kenaikan sejak tahun lalu sebagai inisiatif tingkat motivasi, hargai anggota

Oleh **Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah menaikkan kadar elaun pangkat lokal anggota lain-lain pangkat Jabatan Penguatkuasanya bermula dari RM40 hingga RM120 sebulan sejak tahun lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, tujuan kenaikan elaun itu untuk meningkatkan motivasi dan menghargai anggota penguat kuasa.

“Saya juga ingin meminta semua anggota penguat kuasa terus mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan profesionalisme dalam melaksanakan tugas mereka.

“Dalam era yang semakin mencabar ini, penguat kuasa harus bersedia untuk beradaptasi dengan perkembangan teknologi dan situasi semasa bagi mengekalkan relevansi serta keberkesanan dalam menjalankan tanggungjawab,” katanya ketika berucap pada sambutan Hari Penguat Kuasa Ke-55 di Menara Jabatan Penguatkuasa DBKL, semalam.



Maimunah memeriksa perbarisan pada Sambutan Hari Penguat Kuasa Ke-55 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Mengulas lanjut, Maimunah berkata, penambahbaikan dan perubahan bagi proses kerja di Jabatan Penguatkuasaan DBKL juga bakal dilaksanakan dengan menyusun atur penempatan serta penggiliran bertugas pegawai dan anggota di lapangan.

“Ia dengan penambahbaikan waktu bekerja bukan pejabat atau waktu bekerja secara syif. Melalui pelaksanaan sistem bekerja syif ini, pengurusan DBKL juga bersetuju dengan pemberian elaun syif pada kadar RM400 kepada gred 19 hingga 40 dan RM300 kepada gred 1 hingga 16.

“Semoga dengan pelaksanaan inisiatif ini, kita semua dapat memastikan Kuala Lumpur kekal sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia, bersih, selamat dan harmoni untuk didiami,” katanya.

Pemantauan dalaman

Mengenai langkah memerangi rasuah di jabatan itu, Maimunah berkata, DBKL fokus pemantauan dalaman dan melaksanakan latihan lebih intensif mengenai kepentingan integriti.

Katanya, usaha itu sebahagian daripada komitmen pihaknya bagi memastikan setiap anggota penguat kuasa mempunyai pengetahuan dan kesedaran mendalam mengenai bahaya amalan rasuah serta cara mengelak dan melaporkan cubaan mencurigakan.

“Saya ingin mengingatkan semua warga penguat kuasa rasuah adalah musuh negara. Ia bukan saja mencemarkan nama baik individu yang terbabit tetapi juga menjejaskan imej jabatan secara keseluruhan.

“Rasuah melemahkan keberke-

saan sistem penguatkuasaan, menjejaskan keadilan dan meruntuhkan kepercayaan awam. Oleh itu, menjadi tanggungjawab bersama untuk memeranginya dengan sepenuh hati,” katanya.

Maimunah menggesa setiap anggota penguat kuasa DBKL memperkukuh integriti dan akauntabiliti dalam setiap tindakan yang diambil.

“Saya menggesa semua anggota penguat kuasa untuk mematuhi kod etika yang telah ditetapkan dan sentiasa mengekalkan sikap telus dalam setiap aspek pelaksanaan tugas.

“Kita perlu memastikan bahawa setiap keputusan yang diambil adalah berdasarkan prinsip keadilan, tanpa sebarang unsur berat sebelah atau pengaruh luar,” katanya.